

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

90 pelajar sakit perut selepas makan di kantin

Batu Pahat: Seramai 99 pelajar dan tenaga pengajar sebuah sekolah menengah di sini mengadu sakit perut dan mengalami gejala keracunan makanan selepas menjamu selera di kantin sekolah itu pada Khamis lalu.

Dalam kejadian itu, 11 pelajar menerima rawatan sebagai pesakit luar di klinik kerajaan dan swasta.

Susulan kejadian itu, pengusaha kantin sekolah juga diarah menghentikan operasi, sementara siasatan sedang dijalankan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Ling Tian Soon turut mengesahkan siasatan keracunan makanan di sekolah itu sedang dilakukan.

Katanya, Jabatan Kesihatan Batu Pahat sedang mengumpul maklumat daripada pelajar terjejas dan ibu bapa mereka untuk membantu siasatan.

"Kami akan mengambil tindakan sewajarnya sebaik siasatan selesai," katanya yang turut mengesahkan, kantin itu ditutup sementara mengikut Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Sementara itu, ibu bapa pelajar Tingkatan Tiga yang ditemui berkata, anak perempuannya sakit selepas makan 'ayam gunting' (ayam goreng dihiris nipis) dan 'air balang' (minuman kordial) dari kantin sekolah.

"Dia mengalami gejala loya, sakit perut yang teruk, cirit-birit dan muntah yang mendorong mereka segera ke klinik berdekat dan kemudian dia didiagnosis dengan keracunan makanan," katanya.

Ibu bapa itu juga menyatakan, mereka mendapat arahan daripada pejabat kesihatan daerah untuk memberikan gejala analis perempuan bagi membantu siasatan.

Katanya, pelajar itu masih tidak sihat dan tidak dapat menghadiri kelas sehingga hari ini.

Sementara itu, Tian Soon berkata, Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) masih menunggu laporan kimia sampel ayam goreng yang dipercayai menjadi punca keracunan makanan di kantin sekolah itu.

Katanya, keputusan laporan itu dijangka diperoleh dalam masa dua atau tiga hari lagi.

"Kita menerima maklumat mengenai kejadian itu pada 27 Jun lalu apabila seramai 90 pelajar dan sembilan tenaga pengajar mengalami keracunan makanan setelah makan ayam goreng di kantin sekolah terbabit."

"Daripada 99 individu yang kecacutan makanan itu, hanya 11 individu menerima rawatan pesakit luar di klinik kesihatan atau klinik swasta kerana sakit perut," katanya.

Persatuan Farmasi kecewa Akta 852 belum dikuat kuasa

Langkah atasi penggunaan rokok elektronik babitkan anak muda masih jadi tanda tanya

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), mempersoalkan kelewatnya penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) yang masih tertangguh pelaksanaannya.

Presiden MPS, Amrahi Buang, berkata penguatkuasaan akta terbabit sepertinya bermula awal Jun, tetapi sehingga kini belum dilaksanakan kerajaan.

Beliau turut mempersoalkan, apakah halangan sebenar pe-

nguatuasaan akta terbabit yang didakwa masih 'tersangku' di pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Dimaklumkan akta ini belum dapat dikuatkuasakan oleh kerajaan yang dilaporkan akan melakukannya pada Jun 2024."

"Ini sesuatu yang sangat mendukacitaikan kerana kerajaan sudah berjanji melaksanakannya bersama peraturannya sekali."

"Apa yang menjadi penghalang adalah tanda tanya yang besar. Dikatakan ia masih tersangku di PUU KKM. Mengapakah ini berlaku?" katanya merujuk kepada kenyataan di Facebooknya, semalam.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, dilaporkan berkata Akta 852 itu akan dikuatkuasakan se-penuhnya Jun tahun ini sebagai



Amrahi Buang

langkah menangani peningkatan penggunaan rokok elektronik membabitkan golongan muda.

Didakwa serba salah

Katanya, Rang Undang-Undang (RUU) antimerkok yang diluluskan di Dewan Negara pada Disember lalu itu sudah diwartakan Februari lalu.

"Penguatkuasaan Akta 852 ini berserta peraturan dan perintahnya, Insya-Allah akan kita laksanakan bermula Jun 2024 sebagai respons kepada peningkatan vape, sebab dalam akta kawalan produk merokok ia juga akta kawalan vape," katanya.

Amrahi juga mendakwa, Dr Dzulkefly kini serba salah disebabkan kenyataan penguatkuasaan itu sebelum ini diumumkan bermula pada Jun.

"Apakah ada tangan ghaib

yang melambatkan perkara ini sehingga meletakkan Menteri Kesihatan serba salah kerana ini bercanggah dengan apa yang ditayangkan pada Mei dan Jun.

"Tentu selepas disiapkan oleh PUU KKM, perkara ini akan dihantar ke Pejabat Peguam Negara. Tidak pasti berapa lama lagi. Sebulan? Dua bulan? Akhir tahun?" katanya.

Beliau berkata, keadaan hari ini begitu mendukacitakan selepas cecair dan gel nikotin dikeluarkan daripada Jadual Racun, sejak lebih 15 bulan lalu.

"Sama-samalah kita menunggu kenyataan Menteri Kesihatan. Mungkin akan ditanyakan pada sesi Parlimen sekarang."

"Apapun ia adalah sangat mendukacitakan kerana sudah 15 bulan cecair dan gel nikotin dikeluarkan daripada Jadual Racun."

"Akibatnya tiada langsung kawalan terhadap Nikotin dalam rokok elektronik dan vape. Ia terus menjadi ancaman besar kepada rakyat dan negara," katanya.

Sindrom Kejutan Toksik Streptokokus

'Jangkitan bakteria pemakan daging' bukan cabaran kesihatan negara

Kuala Selangor: Kementerian Kesihatan (KKM) mengambil pendekatan bahawa Sindrom Kejutan Toksik Streptokokus (STSS) yang melanda Jepun ketika ini bukan cabaran kepada kesihatan negara.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) belum memberi apa-apa maklumat atau perkembangan berhubung jangkitan bakteria itu.

"Saya ambil sikap ia bukan satu cabaran kerana bukan *public health hazard* atau risiko dalam konteks hingga saat ini," katanya selepas merasmikan Karnival Kita MADANI peringkat Negeri Selangor di Dewan Datuk Penggawa Permatang Kuala Selangor, semalam.

Terdahulu, Institut Penyakit Berjangkit Nasional (NIID) melaporkan Jepun mencatat lebih 1,000 kes STSS pada tahun ini.

Menurut data NIID, setakat 9 Jun lalu, kes awal mencecah 1,019, menandakan peningkatan ketara dalam penyebaran jangkitan bakteria itu berbanding tahun sebelumnya.

STSS yang juga dikenali sebagai jangkitan streptokokus inva-



Kaktangan Kementerian Komunikasi melayan pengunjung yang singgah di reruai kementerian itu pada Karnival Kita MADANI Peringkat Negeri Selangor yang berlangsung di Dewan Datuk Penggawa Permatang Kuala Selangor, semalam.

(Foto BERNAMA)

sif teruk, adalah penyakit yang bermula secara tiba-tiba yang disebabkan Streptokokus Kum-pulan A.

Gejala awal biasanya termasuk sakit tekak, demam, hilang selera makan, cirit-birit, muntah dan masalah gastrousus lain ser-

ta tanda septik seperti tekanan darah rendah.

Jika tidak dirawat segera boleh menyebabkan kerosakan tisu lembut, kegagalan pernafasan, kegagalan hati, kegagalan buah pinggang dan kegagalan pelbagai organ, dengan kadar kematian melebihi 30 peratus.

Penyebaran penyakit ini atau 'jangkitan bakteria pemakan daging' kerana parahannya berlaku lebih cepat tahun ini.

Sehingga 2 Jun, sebanyak 977 kes telah dilaporkan, melebihi jumlah keseluruhan 941 kes sepanjang tahun lepas.

STSS disebarluaskan melalui tisiran daripada mukosa hidung atau tekak dan melalui sentuhan dengan luka.

Pakar memberi amaran jangkitan bakteria itu berbanding dengan sebagaimana biasa disebabkan perkembangan penyakit yang cepat.

Demam panas disertai kecelerauan atau kemerahan yang merebak cepat di sekitar luka adalah tanda amaran yang memerlukan perhatian perubatan segera.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : LOKAL



Cemas ada 2 kes jangkitan rabies

Kuching: Wabak rabies atau penyakit anjing gila terus mencekuk kebimbangan apabila dua kes jangkitan dilaporkan berlaku di Jalan Chawan dan Taman Malihah, Matang, di sini, minggu lalu.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Datuk Wee Hong Seng berkata, kes di Jalan Chawan membabitkan seorang pemilik anjing yang digigit anjing peliharaannya.

Menurutnya, kes jangkitan di Taman Malihah pula berlaku selepas mangsa digigit anjing liar.

"Masyarakat digesa sentiasa

berwaspada berikutan kes jangkitan rabies membabitkan haiwan peliharaan terus berlaku.

"Pemilik haiwan perlu memastikan anjing atau kucing peliharaan mereka mendapat vaksin rabies," katanya dalam saranan Facebook mingguannya, 'Shall WEE Talk'.

Hong Seng berkata, dalam menangani wabak itu, MBKS akan mengajurkan kempen vaksinasi rabies di gelanggang bola keranjang Sungai Apung, di sini, pada 6 Julai ini.

"Dalam kempen itu, MBKS menawarkan pendaftaran haiwan peliharaan dan pemasangan cip mikro secara percuma.

ma.

"Orang ramai dialu-alukan membawa haiwan peliharaan untuk menyokong kempen merangi rabies," katanya.

Sehingga Jun lalu, empat kematian akibat rabies direkodkan di Sarawak pada tahun ini dengan satu kes mendapat jangkitan melalui gigitan anjing liar, manakala tiga kes lagi mendapat jangkitan melalui haiwan peliharaan.

Sejak wabak rabies diisytiharkan di Sarawak pada Julai 2017 hingga kini, sebanyak 79 kes jangkitan kalangan manusia dilaporkan membabitkan 72 kematian.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

+

6

www.hmetro.com.my [@hmetromy](#) [HarianMetro](#) [@hmetromy](#)

Isnin 01.07.2024 | Harian Metro

lokal

Kuala Selangor: Kementerian Kesihatan (KKM) belum mendapat maklumat lanjut berhubung kes Sindrom Kejutan Toksik Streptococcal (STSS) yang sedang melanda Jepun.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (**gambar**) berkata, sehingga kini Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga tidak memberi kemas kini lanjut berhubung jangkitan sindrom berkenaan.

Sehubungan itu, beliau berkata, KKM mengambil pendirian bahawa ia bukan cabaran kesihatan awam kepada kesapsialaan kesihatan memandangkan

SINDROM KEJUTAN TOKSIK STREPTOCOCCAL (STSS)

WHO tak beri kemas kini jangkitan

WHO juga tidak memberi sebarang kemas kini berkenaan STSS.

"Jadi saya ambil sikap ia bukan suatu cabaran atau *not the public health hazards* dalam konteks saat ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Kita Madani Negeri Selangor di Dewan Dato' Penggawa Matang di sini, semalam.

Sebelum ini, Dzulkefly dilaporkan berkata, Malaysia akan mendapat-

kan maklumat dan input berkaitan kes STSS yang melanda Jepun daripada WHO.

Dzulkefly berkata, segala input diperoleh adalah bagi memastikan KKM melaksanakan langkah kawalan pencega-

han di negara ini.

Menurut laporan Xinhua News Agency yang memetik Institut Penyakit Berjangkit Nasional (NIID), Jepun mencatatkan kes STSS melebihi 1,000 kes pada 2024.

STSS juga dikenali sebagai jangkitan streptokokus invasif teruk, adalah penyakit yang bermula secara tiba-tiba disebabkan Streptokokus Kumpulan A.

Gejala awal biasanya termasuk sakit tekak, demam, hilang selera makan, cirit-birit, muntah dan masalah gastrousus lain serta gejala septik seperti tekanan darah rendah.

Sementara itu, Dzulkefly berkata, KKM sedang berusaha me-

ningkatkan kesedaran dan kepentingan mengamalkan pemakanan sihat bagi mencegah penyakit tidak berjangkit (NCD).

Beliau berkata, tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 menunjukkan peningkatan prevalen penyakit yang tinggi dengan trend berat badan rakyat Malaysia di tahap membimbangkan iaitu pada prevalen 54.4 peratus.

"Ini sekali gus meningkatkan risiko kepada penyakit tidak berjangkit lain seperti kencing manis dan darah tinggi," katanya. - Bernama



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : LOKAL

99 pelajar keracunan makanan selepas makan 'ayam gunting'

Batu Pahat: Seramai 11 pelajar sebuah sekolah menganggah di sini menerima rawatan pesakit luar di klinik kerajaan dan swasta Khamis lalu kerana sakit perut selepas mendakwa makan ayam gunting dan air balang di kantin sekolah itu.

Pada awalnya difahamkan seramai 99 pelajar mengadu sakit perut dan mengalami gejala keracunan makanan selepas menjamu selera di kantin sekolah pada hari berkenaan.

Susulan kejadian itu, pengusaha kantin sekolah juga diarah untuk menghentikan operasi, sementara siasatan sedang dijalankan.

Pengerusi Jawatankuasa

Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Ling Tian Soon yang mengesahkan kejadian itu berkata siasatan sedang dilakukan.

Katanya, Jabatan Kesihatan Batu Pahat sedang mengumpul maklumat daripada pelajar terbabit

serta ibu bapa mereka untuk membantu siasatan. "Kami akan mengambil tindakan sewajarnya sebaik siasatan itu selesai," katanya kantin sekolah berkenaan ditutup semestera mengikut Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988.

Sementara itu, ibu bapa

pelajar tingkatan tiga yang ditemui berkata, anak perempuannya jatuh sakit selepas makan 'ayam gunting' (ayam goreng dihiris nipis) dan 'air balang' (minuman kordial) dari kan tin sekolah.

Pelajar terbabit mengalami simptom loya, sakit perut yang teruk, cirir-biri, dan muntah yang mendorong mereka segera ke klinik berdekatan dan kemudianya didiagnosis dengan keracunan makanan.

Ibu bapa itu juga menyatakan, mereka mendapat arahan daripada pejabat kesihatan daerah untuk memberikan butiran simptom anak perempuannya bagi membantu siasatan.

Katanya, anaknya masih tidak sihat dan tidak dapat hadir ke sekolah semalam.

“
**Jabatan Kesihatan
Batu Pahat kumpul
maklumat
daripada pelajar
terbabit bantu
siasatan**
Ling

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEGARA



ANTARA jajan import dari China yang kerap dijual di hadapan sekolah dan dibeli oleh murid-murid serta pelajar.

Ibu bapa gesa KPM, KKM tangani penjualan

Jajan import dari China depan sekolah

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS dan SYED AZLAN SAYID HIZAR

ALOR SETAR – Golongan ibu bapa kecewa dengan tindakan sebilangan peniaga yang menjual makanan tidak berkhasiat atau jajan termasuk yang diimport dari China di hadapan sekolah secara berleluasa.

Rata-rata ibu bapa mendakwa, itu bagaikan tidak berkesudahan berikutan peniaga tidak bertanggungjawab tersebut sememangnya bermiaga dengan menyasar murid sekolah sebagai pelanggan tetap mereka.

Tinjauan Kosmo! di lebih 10 sekolah di negeri ini dan Perlis mendapati, kawasari berhampiran sekolah menjadi lokasi pilihan peniaga menjual makanan ringan termasuk sosej, nugget dan minuman berkarbonat.

Malah, lebih mengejutkan ada yang menjual pelbagai jenis jajan dari China berupa jelai, serbuk berperisa buah, gula-gula.

Pengambilan makanan ini secara tidak terkawal antaranya boleh mengakibatkan kanak-kanak mudah merasa lesu, kembung perut, daya ingatan dan kognitif menurun selain meningkatkan risiko obesiti.

Suraya Ahmad, 40, dari Langgar, di sini berkata, dia terkilan dengan sikap segelintir peniaga yang menjual makanan tidak berkhasiat di depan sekolah.

"Makanan tidak berkhasiat seperti sosej, nugget, minuman bergas antara banyak dijual dan menjadi kesukaan pelajar."

"Saya sangat pentingkan pemakanan anak, tiada makanan segera atau makanan ringan di



SALAH sebuah gerai menjual makanan ringan yang menjadi tumpuan murid-murid dan pelajar sekolah.

ruman, kalau makan pun mungkin sebulan atau dua bulan sekali. Nugget pun saya buat sendiri di rumah," katanya baru-baru ini.

Katanya, sebagai ibu bapa, mereka bukan berniat untuk menutup pintu rezeki para peniaga yang cari makan secara kecil-kecilan itu tetapi biarlah makanan dijalur itu yang berkhasiat seperti buah-buahan dan kuih muah.

Peniaga pasar, Juraimi Ishak, 33, dari Kubang Pasu dekat sini berkata, dia sering memarahi anaknya yang belajar di darjah empat apabila kerap membawa balik jajan dari China seperti jelai dan serbuk berperisa buah.

"Sudah banyak kali tegur tetapi biasalah budak-budak, kadang-kadang jumpa jajan dalam beg sekolah."

"Saya risau kesihatan mereka. Kesannya kepada kesihatan memang tak nampak sekarang. Seperti yang kita tahu kanser boleh berlaku akibat amalan pemakanan kurang sihat," ujarnya.

Sehubungan itu, dia berharap Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dapat bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menanganis isu berkenaan.

Di Perlis, seorang ibu, Isma Seri Ahmad, 36, berkata, tabiat anaknya yang berusia lapan tahun suka membeli makanan ringan semakin menjadi-jadi.

"Keadaan ini berlaku apabila terdapat gerai yang menjual makanan ringan yang tidak berkhasiat wujud berdekatan sekolah."

"Sebelum ini memang ada gerai di hadapan sekolah, namun pengusaha itu telah berpindah ke kawasan lapang berdekatan dan menjadi tumpuan pelajar dari dua buah sekolah lain," katanya ketika ditemui di sebuah sekolah rendah di Kangar.

Tinjauan mendapati, terdapat sekurang-kurangnya empat gerai yang beroperasi dalam lingkungan 50 hingga 80 meter dari sekolah rendah dan menengah itu.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Jangkitan STSS tidak berisiko kepada kesihatan awam

KUALA SELANGOR — Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menganggap Sindrom Kejutan Toksik Streptokokus (STSS) tidak membahayakan kepada kesihatan awam di negara ini.

Menyerinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, ketika ini Malaysia berpendirian sindrom tersebut tidak berisiko memberi kesan kepada umum berikutnya masih tiada sebarang perkembangan terkini daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Saya mengambil sikap ia bukan satu cabaran atau risiko dalam konteks hingga saat ini," katanya kepada pemberita pada majlis perasmian 'Karnival Kita Madani' Peringkat Negeri Selangor Tahun 2024 di Dewan Dato' Penggawa Permatang di sini semalam.

Media sebelum ini melaporkan, KKM akan mendapatkan maklumat lanjut daripada WHO berhubung STSS yang kini melanda negara Jepun agar Malaysia dapat membuat persediaan serta mengambil langkah se-wajarnya menghadapi sindrom tersebut.

STSS juga dikenali sebagai jangkitan streptokokus invasif



ZULKEFLY (dua dari kiri) menyampaikan Watikah Komuniti Madani kepada salah seorang penerima pada majlis di Kuala Selangor semalam.

teruk adalah penyakit yang bermula secara tiba-tiba yang disebabkan oleh Streptokokus Kumpulan A.

Dalam perkembangan lain, Dr. Dzulkefly menegaskan, KKM juga sedang berusaha meningkatkan kesedaran dan kepentingan mengamalkan pemakanan sihat bagi mencegah penyakit tidak berjangkit (NCD) berkaitan pemakanan.

Katanya lagi, Hasil Tinjauan

Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) tahun lalu menunjukkan peningkatan prevalen penyakit yang tinggi.

"Lebih membangunkan trend berat badan rakyat di negara ini menunjukkan paras membangunkan iaitu pada prevalen 54.4 peratus.

"Ini sekali gus meningkatkan risiko kepada penyakit tidak berjangkit lain seperti kencing manis dan darah tinggi," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NASIONAL

Perincian pelan strategik yang dirangka diumum dalam waktu terdekat

Oleh MOHD IZZATUL
IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memperincikan langkah-langkah memerangi gula dalam waktu terdekat.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, bantuan mengenai perka itu akan diumumkan kementeriannya bagi memastikan rakyat mengamalkan cara hidup sihat.

Menurutnya, inisiatif Pelan Strategik Mengurangkan Gula Dalam Kalangan Rakyat Malaysia (2024-2030) telah dirangka bagi memastikan aktiviti lebih agresif dan bersasar dapat dilaksanakan secara

bersepadu di pelbagai peringkat.

"Kempen perang terhadap gula juga telah kita lancarkan di Nilai, Negeri Sembilan semalam (Sabtu) dan akan juga diuarkan antara lainnya mengumpulkan langkah-langkah menangainya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Perasmian Pembukaan Kilang FSD Industry Sdn Bhd di Puncak Alam, di sini pada Ahad.

Dr Dzulkefly berkata, terdapat tiga pendekatan dalam pelan strategik itu, bagaimanapun ia akan diumumkan kelak.

"Langkah-langkah atau pendekatan itu akan kita butirkan dalam waktu terdekat," ujarnya.

Mengulas mengenai

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN
Sinar
sinarharian.com.my

KKM lancar kempen perangi gula



Dr Dzulkefly (tiga dari kanan) melihat beberapa komponen logam semasa Majlis Perasmian Pembukaan Kilang FSD Industry di Puncak Alam, Kuala Selangor pada Ahad.

program itu, Dr Dzulkefly memberitahu, pembukaan kilang pembuatan logam itu diyakini mampu membuka peluang pekerjaan kepada lebih 5,000 penduduk sekitar Kuala Selangor terutama di Puncak Alam.

Tambahnya, FSD Industry merupakan sebuah kilang pembuatan logam dalam skala industri yang berpusat di Hong Kong dan telah melabur di negara ini serta mempunyai beberapa cawangan sebelum ini.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

90 pelajar, 9 guru alami keracunan makanan

JOHOR BAHRU - Pejabat Kesihatan Daerah Batu Pahat mengarahkan kantin sebuah sekolah di Batu Pahat ditutup dua minggu bermula Jumaat selepas 11 pelajar kracun makanan setelah makan ayam goreng di kantin tersebut pada Khamis.

Exco Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Ling Tian Soon berkata, siasatan dan pemeriksaan telah dilakukan di kantin terabit dan sampel makanan diambil untuk diantar ke makmal.

"Keputusan ujian dijangka diperoleh dalam dua atau tiga hari lagi. Siasatan masih berjalan dan sepanjang penutupan, pengusaha kantin perlu membersihkan premis," katanya mengulas berhubung laporan mengenai kes keracunan tersebut.

Terdahulu beliau menyempurnakan penutupan Kempen Saringan Diabetes di Regency Specialist Hospital, Southkey di sini pada Ahad.

Tian Soon berkata, Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) menerima maklumat mengenai kejadian tersebut pada 27 Jun lalu apabila seramai 90 pelajar

dan sembilan tenaga pengajar mengalami keracunan makanan setelah makan ayam goreng di kantin sekolah itu.

Pihak Jabatan Kesihatan Batu Pahat katanya, sudah mengambil langkah susulan dengan memeriksa premis tersebut dan mengambil sampel makanan daripada premis tersebut.

"Kita telah mengambil makanan tersebut untuk diantar ke makmal untuk kajian sama ada ia menjadi punca keracunan ini berlaku," katanya.

Tian Soon berkata, daripada 99 individu yang terkesan keracunan makanan itu, hanya 11 pelajar menerima rawatan pesakit luar di klínik kesihatan atau klínik swasta kerana sakit perut.

"Saya difahamkan tidak ada antara mangsa yang ditahan di wad untuk pemeriksaan lanjut.

"Cuma 11 pelajar sahaja yang menjalankan rawatan mereka, yang lain mungkin mengalami simptom ringan," katanya.

Tambahnya, kes tersebut disiasat mengikut Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Sinar
Harian
sinarharian.com.my

NASIONAL

15

ISNIN 1 JULAI 2024 • SINAR HARIAN

Tauge jatuh lantai dibungkus semula

DBKL serbu empat premis beroperasi dalam keadaan menjijikkan

Oleh NORAFIZA JAAFAR
KUALA LUMPUR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyerbu dua pusat sembelihan ayam dan dua premis memproses tauge yang dikesan beroperasi dalam keadaan kotor dan menjijikkan. DBKL memaklumkan, operasi tersebut dijalankan oleh Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, Jabatan Pengurusan Serta Jabatan Pelesenan dan

Pembangunan Perniagaan di kompleks Pasar Borong, Pusat Bandar Utara di sini.

Menurutnya, sebanyak tiga buah premis dikenakan penutupan segera di bawah Akta Makanan 1983 dan sebuah premis akan dibatalkan lesen dalam operasi bersepudu itu.

"Siasatan di premis memproses tauge mendapati premis dalam keadaan kotor, bekas yang berisi tauge terdedah dan mudah dilalui oleh tikus.

"Pekerja mengutip semula tauge-tauge yang telah jatuh ke lantai dan dibungkus semula," katanya menerusi perkongsian di Facebook.

DBKL menambah, sebanyak 16 kompaun kesalahan telah dikeluarkan di bawah peruntukan UUK Pelesenan Petempatan

Mahkamah
&
Jenayah

Makanan (WPKL) 2016, UUK Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (WPKL) 2016 dan Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974.

"Antara kesalahan lain adalah semua sisa ayam seperti bulu ayam dan darah ayam terus dibuang ke longkang awam.

"Hasil siasatan Indah Water Konsortium (IWK) didapati loji berhampiran dipenuhi oleh bulu ayam dan lemak ayam.

"Pekerja premis juga didapati tiada suntikan typhoid serta tidak memakai pakalan bersih dan sesuai ketika untuk mengendalikan bahan mentah," katanya.

DBKL mengingatkan semua pemilik premis sentiasa menjaga kebersihan dan mematuhi undang-undang ditetapkan dalam syarat lesen perniagaan.



Premis memproses tauge beroperasi dalam keadaan kotor.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : CETUSAN

Semakin ramai mudah diserang penyakit



ANALISIS
MUKA 16

MOHD NASRI
JAMALUDIN

Sejak kebelakangan ini, rakan-rakan di akaun media sosial kerap meraikan status berkaitan kesihatan diri selain ada yang pergi menemui Ilahi terutamanya dalam kalangan usia bawah 50 tahun.

Ada yang mengelami masalah penyakit jantung, strok, darah tinggi dan kanker. Ya, penyakit ini tergolong dalam 10 penyakit berbahaya di dunia dengan kadar kematian yang tinggi sepanjang tahun.

Wajah suram dan tangisan ahli keluarga mereka turut mengiringi jenazah di tanah perkuburan. Kematian yang mengejutkan ini bukan sahaja satu tumparan kepada ahli keluarga yang memerlukan kasih sayang ibu bapa, malah satu kerugian kepada negara yang mendambakan tenaga buruh mahir dan berpengalaman.

Menurut satu laporan, hampir 1.8 bilion orang dewasa berisiko menghadapi penyakit seperti kanker, strok, demensia dan diabetes kerana kurang bersenam dan keadaan ini semakin meruncing.

Kajian baharu daripada penyelidik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta ahli akademik itu mendapati ketidakaktifan fizikal di seluruh dunia meningkat sekitar lima mata peratusan antara 2010 dan 2022.

Secara keseluruhan, hampir satu pertiga orang dewasa (31 peratus) di seluruh dunia tidak cukup bersenam, meningkat daripada 23 peratus (900 juta orang) pada tahun 2000 dan 26 peratus pada 2010.

Jika trend semasa berterusan, pakar meramalkan menjelang 2030, kira-kira 35 peratus orang tidak akan melakukan senaman yang mencukupi. Penyelidikan menunjukkan bahawa kekurangan senaman meningkatkan risiko penyakit jantung, strok, diabetes jenis 2, demensia dan kanker seperti payudara dan usus.

Menurut perbandingan di Amerika Syarikat, 83 orang meninggal dunia setiap jam disebabkan penyakit jantung dan strok, manakala di Malaysia pula, hampir 50 orang meninggal dunia setiap hari disebabkan penyakit yang sama.

Lebih daripada satu perempat daripada kematian ini boleh dielakkan jika lebih ramai menjaga pemakanan masing-masing, melakukan senaman dan mengelakkan penggunaan produk tembakau.

Strok pula merupakan salah satu penyakit mempengaruhi arteri yang menyumbat dan keluar dari otak. Penyakit ini merupakan antara punca utama kematian dan kecacatan di Malaysia dan seluruh dunia.

Sama seperti sakit jantung, hampir 80 peratus kes strok boleh dielakkan jika pesakit mengamalkan gaya hidup yang sihat. Faktor risiko seperti obesiti, tidak aktif, minum arak dan penyalahgunaan dadah adalah antara punca strok yang boleh dielakkan. Lebih membimbangkan, Malaysia sedang berdepan masalah beban berganda malpemakanan dengan peningkatan kadar obesiti di setiap peringkat umur dan masalah kekurangan pemakanan terutama dalam kalangan kanak-kanak bawah umur lima tahun.

Hasil Tinjauan Kebangsaan Kesehatan dan Morbiditi (NHMS) menunjukkan peningkatan prevalen berlebihan berat badan dan obesiti dalam kalangan kanak-kanak berumur 13 hingga 17 tahun meningkat daripada 24.6 peratus pada 2012 kepada



“
Menurut satu laporan, hampir 1.8 billion orang dewasa berisiko menghadapi penyakit seperti kanker, strok, demensia dan diabetes kerana kurang bersenam dan keadaan ini semakin meruncing.”

30.5 peratus pada 2022. Malaysia menduduki tangga kedua tertinggi kanak-kanak dan remaja obes di Asia Tenggara. Ternyata penemuan ini sangat membimbangkan kerana ia menunjukkan trend peningkatan prevalen berlebihan berat badan dan obesiti dan amalan corak pengambilan pemakanan yang tidak sihat.

Sementara itu, WHO menyatakan, berdasarkan perbezaan jantina, wanita secara konsisten kurang bersenam berbanding lelaki, dengan kadar ketidakaktifan 34 peratus berbanding 29 peratus. Justeru, WHO mengesyorkan orang dewasa melakukan 150 minit aktiviti fizikal intensiti sederhana atau 75 minit aktiviti fizikal intensiti tinggi setiap minggu.

Terdapat lima senaman asas yang boleh dilakukan di mana sahaja. Ia juga sangat efektif kerana membantu pembakaran lemak dengan cepat kerana membabitkan pergerakan keseluruhan badan. Aktiviti tersebut ialah berjalan, mencangkung, *squat*, tekan tubi, lompat tali dan lari pecut.

Justeru, bagi menurunkan statistik pesakit berbahaya di negara ini, amalan bersukan dan aktiviti yang menjurus kepada kesihatan seperti mendaki gunung perlu disuburkan.

* Mohd Nasri Jamaludin ialah Editor Pengisian Sinar Online

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

Kerajaan digesa segera waktakan peraturan kawalan vape

SHAH ALAM - Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa kerajaan segera mewaktakan peraturan untuk mengawal selia industri vape bagi memastikan produk berkenaan tidak dipromosi atau diberi golongan bawah umur.

Presidennya, Dr Azizan Abdul Aziz berkata, langkah segera itu perlu diambil susulan terdapat kes mangsa dikaitkan dengan kesan pengambilan rokok elektronik itu termasuk kecederaan kepada paru-paru yang turut dilaporkan melibatkan kanak-kanak.

"MMA mahu kerajaan mempercepatkan pewartaan peraturan ini. Difahamkan bahawa draf peraturan tersebut telah siap sejak hujung tahun lalu, namun sehingga kini belum ada sebarang berita mengenainya dan kita harap penjelasan diberikan oleh pihak kerajaan.

"Kami juga merayu kepada semua ahli Parlimen untuk bersikap tegas dalam isu kritis ini dengan memberi tekanan kepada kerajaan untuk segera memuktamadkan peraturan ini.

"Ini kerana ahli Parlimen memainkan peranan penting dalam memastikan masa depan yang lebih baik kepada generasi muda. Kesihatan dan kesejahteraan belia harus menjadi keutamaan, melangkuai kepentingan politik."

"Pihak kami juga mengharapkan sokongan semua ahli Parlimen dalam menangani isu yang mendesak ini, selain



DR AZIZAN

bersedia untuk bekerjasama membendung penggunaan vape ini bagi melindungi generasi muda daripada terkesan bahaya," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Sinar Harian pada Mac lalu melaporkan sebanyak 111 kes berhubung pen dedahan keracunan berkaitan rokok elektronik dan cecairnya telah dirujuk ke pusat

panggilan Pusat Racun Negara (PRN) Universiti Sains Malaysia (USM) sejak 2015 hingga tahun lepas.

Selain itu, terdapat juga laporan beberapa kes antaranya seorang kanak-kanak di Bera, Pahang disyaki meng alami keracunan nikotin akut diper cayai tersedut atau tertelan cecair daripada peranti vape jenis pakai buang.

MMA melalui kenyataan sama turut menggesa tiga tindakan segera yang diperlukan antaranya mengehadkan penjualan dan promosi produk vape berhampiran institusi pendidikan.

Turut di gesa supaya diambil tindakan segera lalai dengan melaksanakan peraturan iklan dan pembungkusan yang ketat bagi mengelak ia menjadi sasaran golongan muda.

"Desakan ketiga-lalah segera perketat penguatkuasaan membendung amalan jualan vape dan pemasaran yang menyala undang-undang agar ia tidak boleh dibeli oleh mereka yang berumur di bawah 18 tahun," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

Vape: Draf sudah siap, kenapa belum diwartakan?

Oleh ARIF AIMAN ASROL
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kelewatan Kementerian Kesihatan (KKM) mewartakan peraturan untuk rokok elektronik (vape) menyebabkan berlakunya risiko yang signifikan terhadap kesihatan awam dan menyebabkan ia dieksplorasi industri.

Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr Azizan Abdul Aziz berkata, pihaknya dimaklumkan draf bagi regulasi tersebut sudah disiapkan sejak hujung tahun lalu.

Bagairinapun, kata beliau, sehingga kini tidak mempunyai berita mengenai regulasi berkenaan peraturan rokok elektronik itu dan kerajaan perlu tampil memberi penjelasan terhadap kelewatan yang berlaku.

Terdapat 111 kes pendedahan kepada cecair vape yang kandungannya tidak diketahui seperti dilaporkan pada Pusat Racun Negara (NPC) dari 2015 hingga tahun lalu.”

“Ja membimbangkan apabila terdapat 111 kes pendedahan kepada cecair vape yang kandungannya tidak diketahui seperti

dilaporkan pada Pusat Racun Negara (NPC) dari 2015 hingga tahun lalu. Ini adalah selain dari kes-kes penyakit kecederaan paru-paru (Evali) dan beberapa kes ini melibatkan kanak-kanak bawah umur.

“Tiada yang tahu siapa lagi mungkin terdedah kepada bahan vape yang tidak diketahui kandungannya dan tanpa regulasi, siapa akan bertanggungjawab?” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Media sebelum ini melaporkan, sebanyak 39 kes pesakit direkodkan mengalami penyakit Evali bermula 2019 hingga Jun ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad dalam Jawapan bertulisnya di Dewan Rakyat dilaporkan berkata, dari pada jumlah tersebut sebanyak lapan kes pesakit Evali adalah

golongan remaja yang berusia 14 hingga 19 tahun.

Mengulas lanjut, Dr. Azizan berkata, pihaknya mendapati trend peningkatan penjualan vape di persekitaran kawasan universiti dan sekolah meningkat kerana tiada peraturan yang dikuatkuasakan kerajaan.

“Kios itu tidak hanya menjual produk berkaitan vape tetapi juga mempromosikan ia sebagai pilihan gaya hidup kepada golongan muda, ini membawa kepada ketagihan nikotin di awal usia dan menormalisasi vape.

“Pemasaran vape yang agresif sebagai trend adalah sangat membimbangkan, ia boleh memupuk ketagihan jangka panjang, terutamanya di kalangan belia yang mudah terpengaruh,” katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION / NEWS

INVESTIGATION UNDER WAY

99 STUDENTS OF BATU PAHAT SCHOOL ILL

Canteen shut for checks after students suffer symptoms linked to food poisoning

JASSMINE SHADIQE
BATU PAHAT
news@nst.com.my

NINETY-NINE students of a secondary school here complained of stomach aches and

food poisoning after consuming food and beverages from the canteen on Thursday.

Eleven students received outpatient treatment at government and private clinics.

Following the incident, the school canteen operator has been

instructed to cease operations while investigations are under way.

State Health and Environment Committee chairman Ling Tian Soon confirmed that the suspected food poisoning at the school was being investigated.

He said the Batu Pahat Health Department was collecting information from students and their parents.

"We will take appropriate ac-

tions once investigations are completed," he said.

Ling added that the school canteen had been temporarily closed under the Infectious Diseases Prevention and Control Act 1988.

A parent of a Form 3 student said his daughter fell ill shortly after consuming fried chicken and drinks from the school canteen.

She experienced nausea, severe

stomach pains, diarrhoea and vomiting.

The student was brought to a nearby clinic, where she was diagnosed with acute food poisoning.

The parent said the district health office had asked for details of his daughter's symptoms to assist in the investigation.

As of now, the student remains unwell and is unable to attend classes.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATION

Too many in need of transplants

But with too few donating, supply remains critically low, as stark reality shows

By FAZLEENA AZIZ
fazleena@thestar.com.my

PETALING JAYA: The stark reality of organ donations is that there is a severe imbalance between demand and supply.

According to the National Transplant Resource Center (NTRC), only 277 transplants were performed last year despite a staggering waiting list of 9,024 adults – with 416 paediatric patients needing kidney donations alone.

Its senior national clinical organ donation manager Dr Hasdy Haron said kidneys were in high demand due to the high number of dialysis patients in Malaysia.

The demand for transplants rises yearly because new patients are added to the list every month, but the supply remains critically low. There is a huge gap.

In 2019, we had 136 transplants, followed by 178 in 2020 and 83 in 2021.

"Organ donations fall into two categories: living transplants that involve kidneys and livers, and cadaveric transplants, which occur after death," he told *The Star*.


Dr Hasdy said public awareness of organ donation was reflected in the number of people who have pledged to become donors.

Currently, around 300,000 people in Malaysia are registered as donors, a relatively small number compared with the overall population. He said continuous promotion was important to ensure sustainability.

"Given the sensitive nature of organ donation, which may involve death, awareness efforts must reach all levels of society."

"For instance, when engaging with Muslim communities, we

Statistics on organs donated from 2019 to 2023



Source: National Transplant Resource Center (NTRC)

The Star graphics

need to collaborate with religious authorities and ensure greater visibility and involvement of prominent figures.

"One of the major issues holding people back from donating their organs is the lack of knowledge about the benefits of transplantation. All organs and tissues are equally important for transplants, but many people may not understand the benefits and requirements, which holds them back," he added.

According to the National Renal Registry (NRR), there are currently over 50,000 patients on dialysis in Malaysia, with 69.2% of kidney failure patients having diabetes and 21.8% having hypertension.

In 2022, the NRR indicated that 51,256 Malaysians suffered from end-stage kidney failure and it is estimated that by 2040, this num-

ber will double.

In 2021, the annual crude death rate on dialysis was 18.1%. The annual crude death rate among haemodialysis patients was 17.8%, while chronic peritoneal dialysis patients had a rate of 20.6%.

"Only 5% of people were aware that they had been diagnosed with chronic kidney disease (CKD), which is extremely low and may indicate missed opportunities to prevent more serious problems or delayed detection," the National Kidney Foundation (NKF) said.

It also said many people were still hesitant about organ donation – the most prevalent reasons cited by the NTRC were concerns over body mutilation and lack of knowledge about the deceased's last wishes.

To address concerns of body

mutilation, it is important to note that the deceased undergoes surgery similar to that conducted on the living during a transplant.

"The procedure is done in a manner that preserves the anatomy of the deceased with no obvious disfigurement, ensuring the organ remains in good condition for transplant.

"Secondly, the MySejahtera pledge system now allows users to convey their intent to be donors.

To facilitate a kidney transplant, individuals have two options: they can volunteer as a living-related donor for a family member in need or register as a deceased donor.

If opting to be a living-related donor, prospective donors must undergo a series of assessments conducted by the transplant nurse

coordinator at a nephrology transplant centre.

"These assessments include physical examinations and various screening tests to ensure suitability for surgery.

"Typically, the preparation process for a potential kidney donor lasts between three and six months in uncomplicated cases," the NKF said.

It added that maintaining a healthy kidney required a person to commit to a healthy lifestyle by adopting regular exercise routines, managing and maintaining a healthy body weight, and quitting smoking.

It is also recommended that salt intake be reduced to less than 2.4g/day (equivalent to about one teaspoon) to optimise blood pressure management, a crucial factor in kidney health.

Woman glad she donated hubby's organs to save others

PETALING JAYA: "I still feel that my husband is alive as he is part of someone in this world," says Mashita Ramli, 42, from Selayang, who donated her husband's organs following his death.

The mother of four lost her husband on Dec 31, 2022, after he was brought to the hospital and diagnosed as brain dead.

She said there was no sign of her husband being unwell, but all of a sudden, he was found unconscious that fateful morning.

"The doctors at Hospital Selangor who treated him found him brain dead. His brain was swollen due to internal bleeding, which had no physical signs," she said.

Mashita said the hospital did two tests to confirm her husband's death before they removed his organs. Despite resistance from her in-laws and her own family, Mashita decided to donate his liver, heart, kidneys and corneas.

What convinced her to donate her husband's organs was meeting an ustadz who had received a kidney transplant from his aunt. She said that her turning point was seeing someone lead a happier life when she made that decision.

"I don't feel that my husband is

"I don't feel that my husband is gone. I feel parts of him are alive somewhere, and for me and the children, knowing that his heart is still beating gives us some happiness."

Mashita Ramli

gone. He was too young to die at 40. I feel parts of him are alive somewhere, and for me and the children, knowing that his heart is still beating gives us some happiness. I hope we are continuously blessed by these good deeds and those who received the organs



Make a pledge:
A man holding brochures on organ donation at the National Transplant Resource Center in Wisma Sejarah, Kuala Lumpur.
— IZZRAFIQ ALIAS/
The Star

lead a healthy life," she said.

Mashita added that more people should sign up for organ donation, especially Muslims, as it presented a way to give someone a second chance at life.

For homemaker Marina Mocktar, 42, from Puchong, her life returned to normal after her kidney transplant. She said undergoing dialysis restricted her food and water intake, and she could

not travel far. But she is grateful for the second chance at life with the transplant.

"I can enjoy my life better now because I no longer have such restrictions. The waiting list for a kidney transplant is too long, and the level of pledges is still low, even though you can do it via MySejahtera.

"Sometimes, family members disagree, so informing your fami-

ly about being a donor is important," she said.

Recalling her long wait and undergoing 10 medical workups (screening and checks), before actually getting the transplant, Marina hopes more people will sign up.

She urged people to consider signing up so that the waiting list can be reduced and more people can get a timely transplant.